LATIHAN OBJEKTIF MODUL 3 (DOKUMEN PERNIAGAAN SEBAGAI SUMBER MAKLUMAT)

NAMA:

TINGKATAN:

TARIKH:

LATIHAN

Soalan Objektif

Arahan: Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan iaitu **A**, **B**, **C** dan **D**. Bagi setiap soalan, pilih satu jawapan yang paling sesuai.

1 Berikut merupakan kegunaan dokumen perniagaan dalam sesebuah perniagaan **kecuali**
- **A** sebagai peringatan kepada peniaga tentang hutang yang perlu dijelaskan.
- **B** sebagai bukti bertulis tentang berlakunya suatu urus niaga.
- **C** untuk tujuan pemeriksaan taksiran cukai pendapatan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri.
- **D** sebagai rujukan utama penyediaan Penyata Kewangan perniagaan pada akhir tahun.

2 Pernyataan berikut berkaitan dengan satu jenis dokumen perniagaan:

- Digunakan dalam urus niaga secara kredit.
- Diskaun niaga dan diskaun tunai dinyatakan dengan jelas dalam dokumen ini.

Dokumen manakah menepati pernyataan-pernyataan di atas?
- **A** Resit rasmi
- **B** Invois
- **C** Memo
- **D** Slip mesin daftar tunai

3 Pasangan urus niaga dan dokumen sumber yang manakah dipadankan dengan **betul**?

	Urus niaga	Dokumen sumber
A	Ambilan barang niaga untuk kegunaan keluarga	Baucar pembayaran
B	Barang rosak dipulangkan kepada pembekal	Nota kredit
C	Caj angkutan dikenakan atas belian barang niaga	Invois
D	Pembayaran upah kepada penjaga kedai	Makluman kredit

4 Berikut ialah dialog antara pembekal dengan pembeli:

Saruddin: Encik Farhan, saya memulangkan 80 botol kosong minuman soya kepada awak.
Farhan: Baik, Encik Saruddin, setiap botol kosong yang dikembalikan akan diberikan potongan RM0.50 daripada harga invois.

Apakah dokumen perniagaan yang perlu dikeluarkan oleh Encik Farhan kepada Encik Saruddin?
- **A** Nota debit asal
- **B** Nota debit salinan
- **C** Nota kredit asal
- **D** Nota kredit salinan

5 Syarat 'K. & K. di K.' yang dinyatakan dalam invois menunjukkan bahawa
- **A** butiran boleh dibetulkan melalui nota debit atau nota kredit.
- **B** butiran boleh dibetulkan melalui makluman debit atau kredit.
- **C** penjual tidak bertanggungjawab terhadap sebarang keciciran dan kerosakan barangan.
- **D** pembeli hanya boleh menuntut gantian barangan rosak dalam tempoh masa yang telah dipersetujui antara pembekal dengan pembeli.

6 Mengapakah penyata akaun dikeluarkan oleh pembekal kepada pembeli?
- **A** Untuk menunjukkan baki tunai di bank.
- **B** Untuk memberikan ringkasan urus niaga kepada pembeli.
- **C** Untuk menggalakkan pembeli membuat pembelian secara kredit.
- **D** Untuk menggalakkan pembeli membuat pembelian secara tunai.

LIVEWORKSHEETS

Soalan 7 dan soalan 8 adalah berpandukan invois di bawah.

SALINAN **INVOIS** No. dokumen: INV4021

Sharina Trading
Lot 4, Blok A, Taman Bunga Emas,
89740 Kuala Penyu, Sabah.
087-834 6769

Kepada: **Tarikh: 23 Julai 2016**
Kedai Elektrik Lucy
Tkt 2, Bangunan Suria,
89740 Kuala Penyu, Sabah.

Bil	Butir	Harga (RM)	Unit	Jumlah (RM)
1.	Seterika Jenama King	42.00	20	840.00
2.	Periuk Nasi Jenama Bagus	75.00	8	600.00
				1 440.00
			Tolak *Diskaun Niaga 10%*	144.00
			JUMLAH	**1 296.00**

Ringgit: Satu ribu dua ratus sembilan puluh enam sahaja

Syarat pembayaran: 10% 14 hari, 5% 30 hari
Angkutan dibayar
K. & K. di K.

Lucy (Penerima) *Sharina* (Pengurus)

7 Pernyataan yang manakah menerangkan urus niaga di atas?
A Sharina Trading menjual barangan elektrik kepada Kedai Elektrik Lucy secara tunai.
B Sharina Trading menjual barangan elektrik kepada Kedai Elektrik Lucy secara kredit.
C Kedai Elektrik Lucy menjual barangan elektrik kepada Sharina Trading secara tunai.
D Kedai Elektrik Lucy menjual barangan elektrik kepada Sharina Trading secara kredit.

8 Ketika memeriksa senarai harga, didapati harga sebuah seterika sebenarnya ialah RM45 sebuah tetapi tersilap rekod sebagai RM42 dalam invois.
Apakah dokumen sumber yang digunakan untuk membetulkan kesilapan tersebut?
A Nota debit
B Nota kredit
C Makluman debit
D Makluman kredit

9 Pada 14 Jun 2016, Nancy membeli barangan berharga RM5 600 secara kredit daripada Kedai Mesra. Syarat diskaun tunai ialah 10% 7 hari, 5% 14 hari.
Pada 16 Jun 2016, Nancy mengembalikan barangan berharga RM900 kerana salah jenama.

Jika Nancy menjelaskan invois pada 22 Jun 2016, berapakah amaun wang yang perlu dibayar kepada Kedai Mesra?
A RM4 230
B RM4 465
C RM5 040
D RM5 320

10 Apakah tujuan utama diskaun tunai diberikan kepada pelanggan?
A Menggalakkan pembayaran hutang dengan segera.
B Mendorong pelanggan membeli dalam kuantiti yang banyak.
C Mengelakkan pelanggan membuat pembelian secara kredit.
D Menyediakan kemudahan pembayaran hutang yang fleksibel.

LIVEWORKSHEETS